

# Pengasas TFGU beri ceramah kepada pelajar SPPS UMS

UB 30.12.13 AS

Oleh JOHAN AZIZ

utusanborneokk@gmail.com

KOTA KINABALU: Pengasas Kaedah 'Teaching For Games Understanding' (TFGU), Dr Rod Trope telah melawat ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini baru-baru ini bagi menyampaikan ceramah kaedah pengajaran dan pembelajaran TFGU kepada pelajar Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), khususnya program Sains Sukan.

TGFU merupakan satu konsep pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan oleh David Bunker dan Dr Rod Trope pada 1982 di Universiti Loughborough melalui pemerhatian yang mendapati pengajaran pendidikan jasmani tradisional kurang menarik minat murid-murid.

TGFU merupakan satu pengajaran permainan untuk kefahaman yang dapat menarik minat dan perhatian kanak-kanak di dalam atau di luar bilik darjah supaya mereka tidak merasa bosan.

Dr Rod telah menyampaikan ceramah beliau bertajuk 'Teaching



(gambar kiri) **PENSYARAH** SPPS bergambar bersama Dr Rod (tengah).

(gambar bawah) **PARA** pelajar dan pensyarah SPPS bergambar bersama Dr Rod (tengah) selepas sesi ceramah itu.

Games For Understanding-Evolution Of An Approach 1960 To 2012' bertempat di Bilik Seminar 1, SPPS UMS.

Ceramah beliau yang disampaikan hampir tiga jam itu berkisarkan kepada perkembangan model TGFU.

Tidak dapat dinafikan bahawa kanak-kanak memang suka dengan aktiviti yang banyak melibatkan pergerakan sama ada pergerakan jenis lokomotor atau bukan lokomotor.

Mereka kelihatan lebih cergas dan telah menunjukkan sikap inkuiri yang tinggi apabila aktiviti permainan dijalankan berbanding dengan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan dalam bilik



darjah.

Para pelajar turut didedahkan dengan kepentingan pengajaran pendidikan jasmani

menggunakan kaedah TGFU melalui beberapa sesi praktikal dan ternyata kehadiran Dr Rod telah membuat para pelajar

teruja dan menambah minat menggunakan teknik itu dalam pengajaran kemahiran sukan pelajar sekolah.

Sesi ceramah diakhiri

dengan penyampaian cenderahati oleh Dr Mohamad Nizam Nazarudin yang mewakili Dekan SPPS.